

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 FEBRUARY 2017

## Menanti siasatan skandal forex

MM  
- 26/2/2017

### MUKADIMAH

TANPA siasatan, sukar diketahui dengan tepat kerugian ditanggung akibat kerugian urus niaga mata wang asing (*forex*) oleh Bank Negara awal 1990-an. Malah, pemimpin DAP Lim Kit Siang pernah menyebut di Parlimen bahawa jumlah kesemua kerugian ialah RM30 bilion - suatu jumlah yang amat menggerunkan. Inilah jumlah kerugian yang paling kerap disebut dalam kalangan pemain pasaran.

Bank Negara mengakui kerugian sebanyak RM10.1 bilion dalam 1992 dan RM5.7 bilion (1993). Jumlahnya RM15.8 bilion, kira-kira setengah dari anggaran pakar. Jumlah yang diakui itu memang secara muslihat direndahkan, dakwa bekas Timbalan Gabenor Bank Negara, Dr.

Rosli Yaakop dalam satu forum di Pulau Pinang pada 2 Jun 2012.

Setelah 24 tahun, baru-baru ini kerajaan bersetuju menubuhkan satu pasukan petugas khas untuk menyiasat kerugian *forex* berkenaan. Pasukan petugas khas ini akan mengemukakan syor dan cadangan untuk dipertimbangkan oleh Kabinet. Tindakan selanjutnya termasuk penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) jika perlu berdasarkan hasil siasatan itu nanti.

Wartawan *Mingguan Malaysia* **SYUKRI SHAARI** memetik ungkapan-ungkapan beberapa individu yang pernah dikaitkan dengan skandal *forex* tersebut termasuk yang lantang mengulas isu itu pada suatu ketika.

(BAWA) datanglah polis, SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) untuk jumpa saya, boleh saya jawab, boleh tanya. "Nak dakwa saya di mahkamah pun ok, tapi dakwa Najib juga. "Kita (memang) patut ada *task force* (tetapi) ini yang nak difikirkan (adalah) yang (berlaku) 40 tahun dulu, yang ada depan mata kita, kita tak ambil peduli. "Ini duit (yang terbabit) bukan sikit. Kalau BMF hilang pun tak sampai berbilion."

- **TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD**  
[19 Februari 2017]



Sekiranya Pakatan mengambil alih sebagai kerajaan Persekutuan dalam pilihan raya umum yang akan datang, satu Suruhanjaya Siasatan Diraja mestilah ditubuhkan untuk menyiasat kerugian skandal *forex* Bank Negara bernilai RM30 bilion dalam 1992. "Saya telah membuat anggaran dalam sidang Parlimen dua dekad yang lalu bahawa Bank Negara mengalami kerugian besar RM30 bilion. Tetapi Bank Negara mendakwa kerugian berjumlah RM10.1 bilion dalam 1992 dan RM5.7 bilion dalam 1993."



- **LIM KIT SIANG**  
Pemimpin DAP  
[4 Jun 2012]

Kerugian Bank Negara dalam urusan pertukaran matawang asing sekitar tahun 1990-an perlu tertakluk kepada siasatan Suruhanjaya Diraja (RCI) dan bukan oleh pasukan petugas khas yang dilantik oleh Kabinet."

- **DATUK SERI ANWAR IBRAHIM**  
Ketua Umum PKR  
[22 Februari 2017]



Ia adalah Nor Mohamad (Yakcop), Mahathir dan Daim. Ketika itu saya baru saja masuk (sebagai Menteri Kewangan). Tetapi saya percaya Jaffar (bekas Gabenor Bank Negara, Allahyarham Jaffar Hussein) yang tidak tahu mengenainya sehingga saya bertanya. Dia benar-benar berfikir bahawa ia adalah satu jumlah yang kecil.

"Pada masa itu saya mula memahaminya, masalah itu sudah pun besar. Kita bercakap tentang kerugian dalam julat hampir AS\$10 bilion."

- **ANWAR IBRAHIM**  
[19 Julai 2006 • Bercakap kepada *Malaysiakini*]

Bila untung, untung itu dipulihkan sebagai *cash* dipindahkan ke dalam negara, dibayar kepada kerajaan.

Sebab itu untung ini *in cash terms*. Rugi yang disebut oleh Gabenor Bank Negara sebagai *paper loss* itu, rugi masih atas kemerosotan nilai yang masih dirizab.

"Umpamanya kalau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ada US\$1 juta, mungkin lebih, disimpan di New York, rugi itu *in ringgit terms*, sebab nilai ringgit bertambah. Jadi, AS\$1 juta masih kekal US\$1 juta, tetapi apabila dari segi ringgit sudah merosot lapan peratus atau sembilan peratus, tengok kepada tempohnya. Ini *basic economic*, saya hendak beri kuliah sedikit."

- **ANWAR IBRAHIM**  
[1993 • Anwar yang ketika itu Menteri Kewangan menjawab desakan Ketua Pembangkang Lim Kit Siang di Dewan Rakyat supaya bertanggungjawab sepenuhnya di atas kerugian Bank Negara tersebut]